



MEMANAH



PERATURAN DAN SYARAT PERMAINAN MEMANAH

1.0. NAMA

1.1. Pertandingan ini dinamakan :-

“KEJOHANAN MEMANAH SUKAN MARA SEMALAYSIA 2017”.

1.2. Semua Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MARA Se-Malaysia 2017 untuk Memanah adalah tertakluk kepada Peraturan dan Undang-undang “World Archery”
WA

2.0. PENGANJURAN

2.1. Hak kawalan, pengurusan, penganjuran dan sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berbangkit dengan kejohanan ini adalah muktamad.

2.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membaut apa-apa penyesuaian permainan menurut cara yang difikirkan sesuai.

2.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau pemain yang tidak mematuhi peraturan dan syarat tanpa sebarang alasan.

3.0. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1. Undang-undang dan Peraturan permainan yang digunapakai dalam kejohanan ini adalah mengikut Peraturan dan Undang-undang “World Archery” (WA)

3.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

3.3. Kejadian di luar dugaan yang tidak terdapat dalam peruntukan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

3.3.1. Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am **Kejohanan Sukan MARA Se Malaysia 2017**.

3.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-undang WA (World Archery) dan Jawatankuasa Penganjur**.

3.3.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

4.2. **Maktab Rendah Sains MARA Lenggong**

5.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

5.1. Taklimat kepada pengurus pasukan akan diadakan pada 19 Mac 2017 jam 8.30 malam di MRSM Lenggong, Perak.

5.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai pasukan seramai lima (5) orang (4 Pemain, 1 Jurulatih / Pengurus) beserta dokumen yang disahkan. Borang mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontigen atau Pengurus Pasukan negeri.

5.3. Senarai pemain yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.

6.0. PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN PEMAIN

6.1. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar pasukan negeri yang terdiri daripada kakitangan yang berkhidmat dengan MARA termasuk semua Agensi-Agensi di bawah MARA sahaja.

6.2. Bagi kakitangan Sambilan dan Kontrak, hendaklah telah berkhidmat dengan MARA sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh Kejohanan.

6.3. Terdapat empat belas (14) pasukan yang layak menyertai pertandingan ini.

6.4. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar empat (4) orang pemanah

6.4.1 Acara Perseorangan

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih 4 orang pemain

6.4.2 Acara Berpasukan

Satu pasukan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya (3) orang peserta dan tidak lebih

4 orang peserta .

3 orang peserta yang mencatat skor terbaik pada pusingan kelayakan bagi setiap pasukan

akan didaftarkan secara automatic untuk acara berpasukan.

Jika terdapat sebarang pertukaran mesti dimaklumkan kepada pegawai teknikal selewatnya

sejam sebelum acara berpasukan bermula.

6.5. Pendaftaran setiap pemain hendaklah mengikut keperluan yang ditetapkan dalam Undang-Undang dan Peraturan Sukan MARA Se-Malaysia 2017. Borang pendaftaran mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontigen atau Pengurus Pasukan setiap negeri.

7.0. ACARA PERTANDINGAN

7.1. Acara yang akan dipertandingkan ialah Sistem 50m /30m Round Dan Olympic Round

dalam jangkamasa tiga (3) hari termasuk hari latihan rasmi (sighters day) yang diadakan

satu (1) hari sebelum hari pertama dijalankan.

7.2. Acara individu

7.2.1 Pusingan Kelayakan : setiap pemanah akan bertanding dalam pusingan kelayakan (50m

round dan 30m round) 50m pagi dan 30m petang menggunakan target face 122cm

7.2.2 Olympic Round : 64 pemanah terbaik daripada pusingan kelayakan (32 pemanah jika

kurang dari 64) akan dipilih untuk pertandingan dalam pusingan Olympic.

Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (WA)

pada jarak 50m menggunakan 122cm target face (set system). Setiap pertandingan menemukan 2 peserta dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya.

7.3 Pertandingan berpasukan (team)

7.3.1 16 pasukan (lapan pasukan jika kurang dari 16 dengan 3 pemanah bagi setiap pasukan) teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpul oleh pemana-pemanah didalam pusingan kelayakan.

7.3.2 Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan pemanah team lain pada jarak 50m target face 122cm (set system)dengan jadual pertandingan WA

7.3.3 Setiap pertandingan menemukan 2 (dua) pasukan dan pemenang akan maju ke Peringkat seterusnya.

7.4. Pertandingan akan dijalankan adalah seperti berikut :-

Day		Perkara	Jarak	Catatan
Day 1 (20.3.2017)	Pagi	Pendaftaran	50m / 30m	Pastikan borang lengkap diisi
	petang	Latihan rasmi Pemeriksaan alatan		
Day 2 (21.3.2017)	pagi	Kelayakan 50m round 6 end (6 arrow / end)	50m	Target face 122cm
	Petang	Kelayakan 30m round 6 end (6 arrow / end)	30m	Target face 122cm
Day 3 (22.3.2017)	Pagi	Olympic individu 5 set (3 arrow / set)	50m	Target face 122cm Set system
	Petang	Olympic berpasukan 4 end (6 arrow / end)		

8.0 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

8.1. Pasukan yang menghantar kurang dari tiga (3) pemanah, tidak layak menyertai

pertandingan ini

9.0. PENENTUAN PEMENANG

9.1. Jumlah markah keseluruhan bagi semua jarak akan diambil kira bagi menentukan Johan dan Naib Johan bagi kategori PASUKAN.

9.2. Jumlah markah yang diperolehi oleh setiap pemanah pula akan dikira bagi menentukan Pemanah Terbaik Pertama, Pemanah Terbaik Kedua, Pemanah Terbaik Ketiga dan Pemanah Terbaik Keempat bagi kategori INDIVIDU.

9.3. Sebarang keputusan pengadil yang bersangkutan dengan undang-undang disahkan oleh penganjur adalah muktamad.

10.0 PERALATAN PERTANDINGAN

10.1 Peralatan yang sesuai dan tidak melanggar undang-undang WA

11.0 LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

11.1 Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa latihan rasmi

11.2. Setiap pemanah mesti memakai nombor pemanah semasa rasmi (sighter).

12.0 PERATURAN PERMAINAN

12.1. Nama-nama pemanah yang berdaftar sahaja akan dipanggil oleh pengadil mengikut nombor-bombor yang diberi. Pemanah-pemanah ini akan berada di garisan menunggu (waiting line) bersama peralatan memanah.

12.2. Apabila permainan bermula, satu tiupan wisel pendek dibunyikan menandakan pemanah dikehendaki bergerak dari garisan menunggu (waiting line), ke garisan memanah (shooting line).

12.3. Semasa pemanah berada dalam keadaan bersedia di garisan memanah (shooting line), satu tiupan wisel pendek dibunyikan menandakan permulaan pertandingan.

12.4. Sebaik sahaja masa permainan telah tamat satu tiupan wisel yang panjang akan dibunyikan.

12.5. Setiap pemanah hendaklah mengambil anak panah yang dilepaskan setelah markah diambil.

12.6. Mata yang dikira hanya bagi anak panah yang meninggalkan kesan pada 'target face'.

12.7. Anak panah yang melekat pada 'target face' yang membelah garisan akan dikira markah yang lebih banyak.

12.8. Anak panah yang melekat terlepas dari busur (bow) tetapi tidak melepasi garisan 3m dari garisan memarah, pemanah boleh meneruskan sehingga cukup bilangan anak panah.

12.9. setiap borang pemarkahan perlulah ditandatangani oleh pemanah dan pencatat markah bagi pengesahan pemarkahan.

12.10. Pengiraan markah adalah mengikut undang-undang yang ditentukan oleh WA.

12.11. Keputusan pemenang akan diumumkan oleh Ketua Pengadil/Ketua Hakim.

13.0 JERSI / PAKAIAN PEMAIN

13.1. Tiap-tiap pasukan hendaklah berpakaian kemas dan pengenalan pasukan hendaklah ditonjolkan.

14.0 PEMBATALAN / WALKOVER

14.1. Tiap-tiap pasukan mestilah berada di gelanggang pertandingan sepuluh (10) minit sebelum masa yang ditetapkan untuk pertandingan.

14.2. Jika satu-satu pasukan datang lewat sepuluh (10) minit selepas masa yang telah dijadualkan untuk pertandingan tanpa memberi sebarang alasan yang

munasabah maka pasukan itu dikira memberi kemenangan kepada pihak lawannya.

14.3. Menarik diri daripada perlawanan tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku pasukan berkenaan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan seterusnya. Semua mata yang diperolehi sebelum itu tidak akan diambil kira.

15.0 TINDAKAN TATATERTIB

15.1. Hukuman berikut adalah merupakan hukuman yang dikenakan secara automatic:-

15.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang pertandingan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, pemain tersebut akan digantung satu perlawanan berikutnya.

16.0 BANTAHAN

16.1. Bantahan hendaklah dibuat dengan bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat pertandingan.

16.2. Setiap bantahan dikenakan bayaran sebanyak **RM500.00** dan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.

17.0 ETIKA PEGAWAI

17.1. Pengurus/Jurulatih pasukan adalah bertanggungjawab bagi memastikan tiap-tiap pemain dan penyokong pasukannya berpegang kepada semangat kesukanan yang tulin.

18.0 HADIAH

18.1. Hadiah-hadiah disediakan seperti berikut bagi semua kategori :-

18.1.1. Pusingan kelayakan 50m / 30m (individu)

- i. Johan
- ii. Naib johan
- iii. Ketiga

18.1.2. Pusingan kelayakan 50m / 30m (kumpulan)

- i. Johan

ii. Naib johan

iii. Ketiga

18.1.3. Pusingan olympik individu (50m)

i. Johan

ii. Naib johan

iii. Ketiga

18.1.4 Pusingan olympik berpasukan (50m)

i. Johan

ii. Naib johan

iii. Ketiga

18.1.5 Johan keseluruhan (dikira dari setiap pusingan) individu / berpasukan

i. Johan

ii. Naib johan

iii. Ketiga

19.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

19.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini dan segala tafsiran

peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur Sukan MARA Se Malaysia 2017 dan segala keputusan adalah muktamad.



Borang Daftar Nama Pemain

PERTANDINGAN MEMANAH

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

NAMA PEMAIN

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI



Borang pendaftaran pertandingan

PERTANDINGAN MEMANAH

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. H.P.
RUS PASUKAN		
PASUKAN		

NAMA PEMAIN

BIL	MA	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		

NAMA PEMAIN SIMPANAN

1.		

.....

rus Pasukan

.....

Tarik

h